

02 MAY 1997

Umno-Selangor

ANWAR ADAKAN PERJUMPAAN DENGAN BADAN PERHUBUNGAN UMNO SELANGOR

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Pemimpin Umno Selangor menyokong pelantikan Datuk Abu Hassan Omar sebagai Menteri Besar yang baru walaupun beberapa menyifatkannya sebagai "luar biasa" kerana ia akan melibatkan pilihan raya kecil.

Badan Perhubungan Umno Negeri Selangor petang ini menyuarakan sokongan mereka kepada bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu selepas mengadakan perjumpaan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Jabatan Perdana Menteri petang ini.

Perjumpaan selama satu jam itu diaturkan oleh Anwar untuk menerangkan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dan mengapa Abu Hassan dipilih sebagai Menteri Besar.

Kesemua anggota badan perhubungan kecuali Abu Hassan, yang merupakan timbalan ketua badan perhubungan negeri, menghadiri perjumpaan itu.

Beberapa orang juga bertanya kepada Anwar mengenai cara pelantikan itu yang akan melibatkan dua pilihan raya kecil.

"Ini luar biasa tetapi kita terima penjelasan Timbalan Perdana Menteri," kata Datuk Saidin Thamby ketika ditemui selepas perjumpaan itu.

Ketua Wanita Selangor Datin Paduka Rakibah Manap pula berkata: "Ini bukan sahaja luar biasa tetapi tak pernah dibuat."

Bagaimanapun, tiada sesiapa mempertikaikan perlantikan itu, kata Rakibah.

Datuk Onn Ismail, yang juga setiausaha badan perhubungan itu dan speaker dewan undangan negeri, berkata mereka menerima keputusan Dr Mahathir kerana mereka telah memberi mandat kepada beliau untuk memutuskan Menteri Besar yang baru.

Onn juga berkata badan perhubungan negeri akan bermesyuarat malam ini dan antara perkara yang akan dibincang ialah pelantikan pemangku Menteri Besar buat sementara waktu.

Untuk membolehkan Abu Hassan memegang jawatan itu, beliau akan bertanding pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang yang disandang oleh Jamaluddin Adnan.

Jamaluddin pula akan bertanding bagi kawasan Parlimen Kuala Selangor yang dipegang oleh Abu Hassan.

Abu Hassan dan Jamaluddin mengosongkan kerusi masing-masing berkuatkuasa hari ini. -- BERNAMA

AH NAK